

17/12/2001

Seludup beras: 600 penguat kuasa dipindah

Norfatimah Ahmad

TASEK GELUGOR, Ahad - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memindahkan kira-kira 600 kakitangan penguat kuasa ke Kementerian Pertanian dalam usaha menangani masalah lambakan padi dan penyeludupan beras.

Rombakan berkenaan, dijangka dilaksanakan tidak lama lagi, membabitkan kakitangannya di seluruh Semenanjung.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, berkata selain pemindahan kakitangan, semua tugas dan prosedur berkaitan beras juga dipindahkan ke Kementerian Pertanian, termasuk pengeluaran lesen simpanan beras.

Beliau berkata, berikutan itu, pengeluaran lesen simpanan beras yang dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ketika ini, dibekukan.

Katanya, keputusan menyerahkan pentadbiran beras kepada Kementerian Pertanian dipersetujui Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

"Ketika ini, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Datuk Abi Musa Mohamed Noor dengan kerjasama Bahagian Kawal Selia kementerian sedang memperincikan berhubung pemindahan hampir 600 kakitangan ke Kementerian Pertanian.

"Pelbagai perkara perlu diambil kira dalam melaksanakan rombakan ini seperti status kakitangan terbabit terutama yang terlalu lama berkhidmat di sesebuah negeri bagi mengelak sebarang masalah," katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka di kediamannya di sini, hari ini.

Seramai kira-kira 600 kakitangan berkenaan pernah terbabit dalam operasi penstrukturan dan pengkorporatan Lembaga Padi Negara (LPN) sebelum diubah menjadi Bernas pada sekitar 1990-an.

Isu lambakan padi dan penyeludupan beras yang berleluasa menyebabkan padi yang dikeluarkan petani tempatan tidak mendapat pasaran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini dilaporkan berkata, penyeludupan beras dari negara jiran sebagai punca masalah lambakan padi di negara ini.

Malah, PadiBeras Nasional Berhad (Bernas) memperuntukkan RM2 juta kepada pemberi maklumat bagi menangani kegiatan penyeludupan yang menjejaskan industri padi dan petani.

Mohd Shariff berkata, tanggungjawab penuh yang diberikan kepada Kementerian Pertanian membolehkan kakitangannya memantau pergerakan beras dengan lebih berkesan.

"Kajian semula berkaitan prosedur pengeluaran lesen simpanan beras juga akan dilaksanakan bagi memastikan tidak wujud kelemahan yang boleh mengakibatkan berulangnya kegiatan penyeludupan beras," katanya.

(END)